

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	23 MARCH 2017

# Rangsang PKS sertai e-dagang

BH-23/3/2017

➔ Inisiatif  
terbaharu  
kerajaan sasar  
KDNK RM211b  
menjelang 2020

Oleh Shahrizan Salian dan  
Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

**Z**on Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) dilancarkan semalam dengan fokus mengandakan pertumbuhan e-dagang dan meningkatkan sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kepada RM211 bilion menjelang 2020.

Inisiatif terbaharu kerajaan memabatkan kerjasama dengan Alibaba Group, diterajui pengasas dan Pengerusi Eksekutifnya, Jack Ma itu, akan menggabungkan zon fizikal dan maya dengan perkhidmatan digital dan perkhidmatan dalam talian, bagi memudahkan perusahan kecil dan sederhana (PKS) mengambil bahagian dalam e-dagang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika merasmikan DFTZ,

menjangkakan pelaksanaannya itu nanti bakal melonjakkan sumbangan sektor PKS kepada nilai KDNK antara 60 sehingga 80 peratus, berbanding 37 peratus ketika ini.

## Perluas pasaran

“Ini kerana barangan yang dahulunya hanya dijual dalam negara oleh usahawan PKS tempatan, kini boleh diluaskan pasarannya ke peringkat global dengan kewujudan DFTZ ini,” katanya.

Yang turut hadir pada pelancaran itu, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan dan Datuk Seri Wee Ka Siong; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, ahli korporat serta penggiat industri digital dalam dan luar negara.

Pada majlis sama, Najib dan Ma turut menyaksikan majlis pertu-

karan empat Memorandum Persefahaman (MoU) memabatkan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dan Alibaba Group; Malaysia Airports Holdings Bhd dan Cainiao Network; Alipay dan Maybank; Alipay dan CIMB; serta MDEC dan Catcha Group.

DFTZ akan mengandakan pertumbuhan sektor PKS, meningkatkan jumlah eksport barangan sebanyak AS\$25 bilion (RM112 bilion) dan mewujudkan 60,000 peluang pekerjaan menjelang 2025.

## Inisiatif pertama di dunia

DFTZ adalah inisiatif pertama seumpunya di dunia. Ia akan menggabungkan Platform Dagangan Elektronik Dunia (eWTP) yang diterajui oleh Alibaba Group iaitu yang pertama dilaksana di luar China.

“Empat bulan adalah tarikh akhir (pelaksanaan) yang padat, namun kita sudah membuktikan ba-

hawa kita boleh melakukannya secara bersama,” kata Perdana Menteri.

Pada akhir ucapan, Najib menyatakan kerajaan juga sedia menawarkan kawasan berkeluasan 46, 451 meter persegi di Bandar Malaysia untuk melaksana salah satu daripada tiga komponen utama DFTZ.

Disamping itu, katanya, kerajaan bersetuju menyediakan kawasan seluas lapan hektar di KLIA Aeoropolis bagi melaksana inisiatif sama, malah sedia memberi pertimbangan untuk menambah kepada 36 hektar.

DFTZ, mempunyai tiga komponen iaitu hub e-memenuhi, hub perkhidmatan satelit serta platform e-perkhidmatan, turut menggabungkan zon fizikal dan maya dengan perkhidmatan digital dan perkhidmatan dalam talian tambahan bagi memudahkan inovasi berasaskan Internet dan e-dagang antarabangsa.